



06 AUG, 2024

JKDM Sabah rampas lebih 20 kilogram syabu

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 1 of 3

JKDM Sabah rampas lebih 20 kilogram syabu

Oleh Hamzah Sanudin

KOTA KINABALU: Dua lelaki termasuk seorang remaja ditahan bersama lebih 20 kilogram dadah jenis syabu yang dianggarkan bernilai RM667,729.44, pada 30 Julai lalu.

Kedua-dua lelaki tempatan berusia 18 dan 29 tahun terbabit ditahan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) ketika masuk ke negeri ini secara berasingan.

Kegiatan menyeludup masuk dadah berkenaan berjaya dikesan ketika cuba melepasi pemeriksaan di dua lapangan

terbang sebaik tiba dari Semenanjung Malaysia.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Sabah, Siti Mang berkata, suspek pertama ditahan pada jam 12.30 tengah hari di Lapangan Terbang Tawau.

Katanya, hasil imbasan imej terhadap beg suspek, pihaknya mengesan 10 bungkusan plastik hijau kuning jenama ‘Guangyiwang’ yang mencurigakan.

“Pemeriksaan lanjut mendapati, semua bungkusan berkenaan berisi 10.199 gram dadah berbahaya yang dianggarkan bernilai RM326,389.

“Suspek terus ditahan bersama dadah berkenaan untuk siasatan dan tindakan selanjutnya,” katanya pada sidang media di Wisma Penguatkuasaan Sepanggar, di sini, semalam.

Siti berkata, bertindak atas maklumat, suspek kedua berjaya ditahan kira-kira jam 1 petang ketika cuba melepasi pemeriksaan mesin imbasan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAKK).

Katanya, pemeriksaan mendapati suspek membawa begasi berisi 10 bungkusan mengandungi dadah seberat keseluruhan 10.194 gram.

“Suspek membabitkan



RAMPAS: Siti Mang (tengah) menunjukkan dadah jenis syabu yang dirampas susulan penahanan dua lelaki di dua lapangan terbang di Kota Kinabalu dan Tawau.

seorang remaja lelaki berusia 18 tahun dan siasatan lanjut sedang

dijalankan bagi mengenal pasti sama ada mempunyai hubung kait dengan suspek

pertama.

♦ **Lihat Muka 2**



06 AUG, 2024

JKDM Sabah rampas lebih 20 kilogram syabu

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 2 of 3

JKDM Sabah rampas lebih 20 kilogram syabu

► Dari Muka 1

“Kedua-dua kes ini juga sedang dalam siasatan lanjut untuk mengesan sebarang jaringan sindiket yang lebih besar dan memastikan tindakan undang-undang diambil terhadap mereka yang terbabit,” katanya.

Menurutnya, modus operandi bagi kes ini adalah menggunakan bungkusan plastik warna hijau jenama ‘Guanyinwang’ yang dis-

eludup masuk ke dalam negara melalui kapal penumpang.

“Kedua-dua kes berkenaan sedang disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman mati mandatori atau penjara seumur hidup, jika sabit kesalahan,” katanya.

Sementara itu, Siti berkata, aktiviti penyeludupan bukan saja merugikan negara dari segi kehilangan hasil,

malah turut mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.

“Orang ramai disarankan supaya bekerjasama memerangi jenayah penyeludupan dengan menyalurkan maklumat di talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855.

“Kastam juga turut memberi jaminan identiti setiap pemberi maklumat berkenaan adalah dirahsiakan,” katanya.



06 AUG, 2024

JKDM Sabah rampas lebih 20 kilogram syabu

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 3 of 3

SUMMARIES

KOTA KINABALU: Dua lelaki termasuk seorang remaja ditahan bersama lebih 20 kilogram dadah jenis syabu yang dianggarkan bernilai RM667,729.44, pada 30 Julai lalu. Kedua-dua lelaki tempatan berusia 18 dan 29 tahun terbabit ditahan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) ketika masuk ke negeri ini secara berasingan. Kegiatan menyeludup masuk dadah berkenaan berjaya dikesan ketika cuba melepasi pemeriksaan di dua lapangan

terbang sebaik tiba dari Semenanjung Malaysia.